

Praktis Peperiksaan Akhir Tahun T4

Set 8: Soalan 1

Maklumat berikut telah diperolehi daripada buku Perniagaan Samson pada 31 Julai 2023:

	RM
Kelengkapan	30,000
Inventori	6,000
Akaun belum terima	7,300
Tunai	1,180
Modal	35,850
Akaun belum bayar	5,090
Overdraf bank	3,540

Urus niaga berikut telah berlaku sepanjang bulan Ogos 2023:

- (i) Membeli alat tulis RM200 dengan tunai.
- (ii) Membayar akaun belum bayar dengan cek RM3,370 dan terima diskaun RM30.
- (iii) Menjual satu pertiga inventori kepada Sani dengan harga RM2,140.
- (iv) Menerima pinjaman bank RM20,000 untuk membeli kenderaan RM20,000.
- (v) Pemilik membayar kadar bayaran kediaman RM180 dengan tunai pejabat.
- (vi) Komisen diterima sebanyak RM60 telah digunakan oleh pemilik untuk kegunaan sendiri.
- (vii) Kelengkapan lama dijual untuk RM1,000 manakala nilai bukunya adalah RM1,900. Wang tersebut telah dibankkan.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan jadual persamaan perakaunan untuk menunjukkan kesan setiap urus niaga atas akaun-akaun yang berkenaan.
- (b) Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2023.

(a) Jadual Persamaan Perakaunan

Urus niaga	Kelengkapan	Kenderaan	Inventori	Akaun belum terima	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Pinjaman bank	Modal
2023	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Ogos 1	30,000	-	6,000	7,300	(3,540)	1,180	5,090	-	35,850
(i)									
(ii)									
(iii)									
(iv)									
(v)									
(vi)									
(vii)									
Ogos 31									

(a) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2023.

Perniagaan Samson Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2023					
	RM	RM		RM	RM
Aset bukan semasa			Ekuiti pemilik		
Aset semasa			Liabiliti semasa		
			Liabiliti bukan semasa		